Sinar Harian

# Status permohonan pengeluaran khas KWSP boleh disemak 9 April ini

MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM | | 04 April 2022




Pemohon boleh menyemak status permohonan pengeluaran khas KWSP bermula 9 April ini.

SHAH ALAM - Semakan status permohonan pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sehingga RM10,000 secara 'one-off' boleh dilakukan bermula 9 April ini.

KWSP dalam satu hantaran berkata, permohonan pengeluaran khas KWSP itu hanya boleh dibuat melalui portal https://pengeluarankhas.kwsp.gov.my/ sahaja.

Pada masa sama, KWSP turut memaklumkan pemohon tidak perlu mengakses i-Akaun, mengunjungi kios dan cawangan KWSP bagi tujuan tersebut.

Permohonan pengeluaran khas KWSP mula dibuka pada 1 April lalu sehingga 30 April ini.

Pada 16 Mac, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pengeluaran khas caruman KWSP sebanyak RM10,000 bagi meringankan beban Keluarga Malaysia yang masih terkesan susulan pandemik Covid-19.

Dalam sidang akhbar khasnya, Ismail Sabri berkata, keputusan itu dibuat berdasarkan hasil kajian dan penelitian secara menyeluruh dalam kalangan rakyat yang masih terkesan dari segi ekonomi, kehilangan pendapatan dan sedang membina semula kehidupan.

KWSP memaklumkan, bayaran bagi pengeluaran khas akan dibuat secara sekali pembayaran (single payment) kepada pencarum yang layak pada 20 April ini.